



**UCAPAN ALUAN**

**OLEH**

**YBRS. DR. NOR PA'IZA MOHAMAD HASAN  
PENGARAH  
BAHAGIAN TEKNOLOGI INDUSTRI  
(MENJALANKAN TUGAS)  
PENGARAH KANAN  
PROGRAM PENGKOMERSILAN DAN PERANCANGAN  
TEKNOLOGI  
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA  
SELAKU PENERUSI PENGANJUR  
SEMINAR KESELAMATAN MAKANAN 2024**

**MAJLIS PERASMIAN  
SEMINAR KESELAMATAN MAKANAN 2024**

**25 SEPTEMBER 2024**

**HOTEL GRAND PARAGON, JOHOR BAHRU**

## Salutasi

Terima kasih Saudara/saudari Pengerusi Majlis

### **YBRS. DR. ROSLI BIN DARMAWAN**

Ketua Pengarah

Agensi Nuklear Malaysia

### **YBRS. DR. RASIF BIN MOHD ZIN**

Pengarah

Bahagian Pengkomersialan Teknologi (BKT)

Agensi Nuklear Malaysia

Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

Dif-dif jemputan

Para pembentang kertas kerja, rakan-rakan media

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan sidang hadirin yang dihormati sekalian

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam sejahtera dan Salam Malaysia Madani**

1. Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia kerana sudi untuk hadir dan seterusnya merasmikan “**Seminar Keselamatan Makanan 2024**” pada pagi ini.
2. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurniaNya kita masih diizinkan untuk menganjurkan Seminar Keselamatan Makanan untuk kali ke-11 penganjurannya. Seminar Keselamatan Makanan atau *Seminar on Food Safety* ini adalah anjuran Agensi Nuklear Malaysia dengan dukungan dan sokongan bersama pelbagai agensi kerajaan dan swasta iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Institut Penyelidikan & Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Farm Fresh Milk Sdn. Bhd.
3. Untuk makluman semua, Seminar Keselamatan Makanan ini diadakan setiap dua tahun sekali. Pada tahun lalu, seminar ini telah

diadakan dengan jayanya di negeri Melaka. Namun, disebabkan permintaan yang tinggi, pihak penganjur telah memutuskan untuk mengadakannya sekali lagi pada tahun ini di negeri Johor. Kami berharap dengan penganjuran kali ini, lebih ramai peserta dapat menyertai dan menyumbang kepada perbincangan yang lebih bermakna. Seminar kali ini mencatatkan penyertaan yang amat menggalakkan. Lebih daripada 70 peserta dari pelbagai latar belakang agensi kerajaan, sektor swasta, dan juga akademia telah mendaftar untuk menyertai seminar kali ini. Penyertaan ini menunjukkan betapa pentingnya isu keselamatan makanan kepada kita semua, tidak kira dari sudut dasar, perniagaan atau penyelidikan.

Yang Berusaha Dr., Tuan-Tuan dan Puan-puan yang saya hormati,

4. Untuk tahun ini, pihak jawatankuasa penganjur telah memilih tema **“Mencapai Kelestarian Makanan di Era Perubahan Iklim”**. Tema ini dipilih kerana ia berkait rapat dengan salah satu isu global yang paling mendesak pada masa kini dan impaknya terhadap keselamatan makanan.

5. Perubahan iklim bukan lagi satu teori atau ramalan masa depan. Kita sudah mula menyaksikan kesannya terhadap bekalan makanan di seluruh dunia. Fenomena seperti cuaca ekstrem, peningkatan suhu global dan perubahan taburan hujan telah menyebabkan gangguan besar kepada sektor pertanian dan pengeluaran makanan. Kesan ini bukan sahaja menjejaskan ketersediaan makanan, tetapi juga menimbulkan isu keselamatan makanan, di mana pengeluaran, pengedaran dan penyimpanan makanan menjadi semakin mencabar. Oleh itu, tema ini dipilih bagi menggariskan betapa pentingnya kelestarian makanan dalam menghadapi cabaran ini. Kita perlu berinovasi dan mencari penyelesaian untuk memastikan bekalan makanan yang selamat dan mencukupi, meskipun berdepan dengan perubahan persekitaran yang tidak menentu.

Yang Berusaha Dr., Tuan-Tuan dan Puan-puan yang saya hormati,

6. Pada hari ini, kita berpeluang mendalami pelbagai topik penting melalui seminar yang dianjurkan. Untuk makluman semua, seminar ini akan menampilkan sebanyak 10 kertas kerja yang akan dibentangkan oleh pakar-pakar dalam pelbagai bidang yang berkaitan keselamatan dan kelestarian makanan. Di samping itu,

terdapat juga 1 sesi forum di mana beberapa pakar dari agensi kerajaan dan industri akan berkongsi pandangan dan pengalaman mereka mengenai bagaimana kita boleh memperkukuh sistem makanan yang lebih lestari dan berdaya tahan, terutamanya dalam konteks perubahan iklim.

7. Lebih menarik lagi, seminar ini turut diserikan dengan 8 reruai yang menampilkan aktiviti dan teknologi terkini dalam bidang teknologi makanan. Pameran ini memberi peluang kepada para peserta untuk melihat sendiri inovasi yang sedang dilaksanakan dalam industri makanan dan bagaimana teknologi ini boleh membantu kita menangani cabaran keselamatan makanan yang semakin mencabar. Saya berharap agar semua peserta dapat memanfaatkan sepenuhnya peluang ini untuk belajar, berinteraksi dan berkongsi idea bersama para pempamer dan pembentang.

Yang Berusaha Dr., dan Hadirin Sekalian,

8. Besar harapan penganjur agar seminar ini menjadi satu diskusi dan landasan perbincangan kepakaran supaya satu kejelasan dapat diperolehi. Sekali lagi saya saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-

rakan kerjasama yang senantiasa menyokong dan mendukung usaha ini setiap kali penganjurannya. Di kesempatan ini, saya ingin menawarkan dan mengalu-alukan hasrat lebih banyak agensi dan syarikat untuk bekerjasama dengan Agensi Nuklear dalam penganjuran seminar akan datang.

9. Kepada para pembentang, pemudah cara dan peserta yang budiman, saya ucapkan Selamat Datang, Selamat Bertemu dan Selamat Berwacana.

**Sekian, terima kasih.**

**Wabillahitaufik Walhidayah. Wasalamualaikum Warahmatullahi**

**Wabarakatuh.**